

3 negara setuju kurang eksport getah asli

MS 26 BIHARIAN 7/3/19

Pengeluar getah asli utama dunia, iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia bersetuju mengurangkan eksport getah asli sebanyak 240,000 tan untuk tempoh empat bulan, mulai 1 April ini bagi meningkatkan harga komoditi itu.

Tiga negara berkenaan menyumbang 70 peratus daripada pengeluaran getah asli global.

Dalam kenyataan semalam, Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa (ITRC) berkata, pegawai kanan daripada negara terbabit bermesyuarat di Bangkok pada 4 hingga 5 Mac lalu untuk memuktamadkan butiran pelaksanaan Skim Jumlah Eksport Yang Dipersetujui (AETS) Keenam.

Pelaksanaan AETS Ke-6

“Di bawah pelaksanaan AETS Keenam, ketiga-tiga negara berkenaan bersetuju berhubung pengurangan eksport sebanyak 240,000 tan getah asli.

“AETS dilaksanakan melalui pengawal se lia domestik masing-masing,” katanya.

Sementara itu, ITRC berkata, jawatankuasa pemantauan dan pengawasan diwujudkan untuk memantau dan memastikan pematuhan dengan AETS.

“Pegawai kanan menyatakan keputusan menteri dalam meneruskan usaha untuk meningkatkan penggunaan getah asli dom estik di negara anggota ITRC melalui Skim Promosi dan Permintaan (DPS), termasuk projek jalan raya berdasarkan getah.

“Thailand, Indonesia dan Malaysia yakin inisiatif kerjasama ini akan memastikan harga yang baik untuk semua pekebun kecil getah dan pihak berkepentingan lain dalam industri getah asli,” katanya.

BERNAMA